

Ratusan ribu orang mungkin dijangkiti haiwan bawa koronavirus setiap tahun

RATUSAN ribu orang mungkin dijangkiti setiap tahun oleh haiwan yang membawa virus koronavirus sama dengan penyakit yang menyebabkan Covid-19 di China dan Asia Tenggara, menurut satu kajian yang menekankan ancaman pandemik yang berlaku sekarang.

Rata-rata 400,000 jangkitan seperti itu berlaku setiap tahun, kebanyakannya tidak dikesan kerana ia menyebabkan gejala ringan atau tidak ada langsung, dan tidak mudah berjangkit antara manusia, kata kumpulan penyelidik EcoHealth Alliance dan Sekolah Perubatan Duke-NUS Singapura dalam satu kajian yang dikeluarkan Khamis lalu, sebelum semakan rakan sejawat dan penerbitan.

Namun, setiap kesan jangkitan itu membuka peluang bagi penyesuaian virus yang dapat menyebabkan wabak baru seperti penularan Covid-19 sekarang.

Persoalan di mana dan bagaimana virus yang menyebabkan Covid-19 muncul menjadi perdebatan hangat dengan pelbagai teori diketengahkan pelbagai pihak.

Penyelidikan baru itu, yang disokong Institut Nasional Amerika Syarikat bagi Alergi dan Penyakit Berjangkit, menghasilkan bukti bahawa kelawar adalah haiwan perumah utama bagi virus seperti SARS-CoV-2 dan manusia yang tinggal berdekatan kediaman kelawar itu merupakan golongan paling terdedah.

“(Kajian) Ini mungkin percubaan pertama untuk meramalkan berapa sering manusia dijangkiti koronavirus yang berkaitan dengan SARS daripada kelawar,” kata Edward Holmes, ahli biologi evolusi di Universiti Sydney yang tidak terlibat dalam kajian itu.

“Manusia secara berterusan terdedah kepada koronavirus kelawar, katanya.

“Dengan keadaan yang betul, salah satu daripadanya boleh menyebabkan wabak penyakit.”

Hampir dua dozen jenis kelawar yang dapat dijangkiti virus koronavirus tinggal di kawasan Asia yang lebih enam kali ganda saiz Texas, Amerika, dengan selatan China dan sebahagian Myanmar, Laos, Vietnam dan Indonesia dianggap paling berisiko bagi alami kesannya. – Agensi berita.